

## **KAJIAN ISU KELUAR ISLAM DI MALAYSIA: KEBEBASAN BERAGAMA ATAU JENAYAH SYARIAH**

### ***A STUDY OF APOSTASY ISSUES IN MALAYSIA: A FUNDAMENTAL FREEDOM OR SYARIAH CRIMES***

Siti Aisyah Samudin<sup>1\*</sup>, Aisyah Mohd Chabidi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, sitiaisyah.samudin@um.edu.my.

<sup>2</sup>Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, echabidi16@gmail.com.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 13 Mac 2023

| Selepas Pembetulan: 26 Jun 2023

| Diterima untuk terbit: 6 Nov 2023

#### **Abstrak**

Malaysia dalam perlembagaannya tidak menafikan hak kebebasan beragama. Namun, kebebasan ini bukanlah satu prinsip yang bersifat mutlak. Islam menitikberatkan kerelaan dalam menganuti agama hanif ini, sebarang paksaan dan kekerasan merupakan bentuk kezaliman. Pun begitu, setelah seseorang individu melafazkan syahadah pada saat itulah dirinya tidak dibenarkan sewenang dan sebebannya untuk keluar agama (murtad). Isu timbul apabila wujud kekeliruan dalam kalangan masyarakat bahawa keluar Islam merupakan tidak sepatutnya diletakkan di bawah satu kesalahan jenayah syariah, sebaliknya tindakan itu merupakan suatu hak kebebasan dalam beragama yang wajar dinikmati setiap individu. Oleh hal yang sedemikian, kajian kualitatif ini memfokuskan isu perundangan dan pentadbiran yang berkaitan dengan kes keluar Islam sekaligus mencadangkan solusi untuk perkara berkenaan. Hasil kajian ini diharapkan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa tindakan keluar dari agama Islam merupakan satu kesalahan jenayah syariah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.

#### **Kata kunci**

Keluar Islam, kebebasan beragama, hak asasi manusia

#### **Abstract**

*Malaysia does not deny the right to freedom of religion in its constitution. However, this freedom is not an absolute principle. Islam emphasizes voluntary adherence to this religion, and any form of*

*coercion or violence is a form of oppression. However, one is not allowed to arbitrarily and freely leave the religion (apostate) after chanting the Shahadah at that moment. The problem arises at a time of confusion within the community that renunciation of Islam should not be made a Shariah crime, but is in fact a right of religious freedom that all individuals should enjoy. Hence, this qualitative study therefore focuses on the relevant legal and administrative issues in cases of secession from Islam and proposes solutions to the issues. The research findings are expected to alert communities that the act of leaving Islam is absolutely an offence under shariah laws.*

**Keywords**

*Apostate, freedom of religion, fundamental human rights*

**1.0 Pendahuluan**

Milenium ini, gejala selewengan aqidah dalam kalangan umat Islam negara ini didapat semakin menular dan serius seiring dengan berkembangnya teknologi perhubungan dan komunikasi. Perkara ini sedikit sebanyak menarik perhatian pelbagai pihak terutama apabila tular satu kes melibatkan kebenaran menukar agama oleh mahkamah. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan Perayu, Rosliza Ibrahim [2021] 3 CLJ menukar agamanya kepada agama Buddha atas justifikasi Perayu yang merupakan anak tak sah taraf dan dengan itu, tidak boleh dinasabkan kepada bapanya (Ibrahim) di bawah seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Rayuan yang dibenarkan membuktikan bahawa bidangkuasa mahkamah syariah telah terbatas dalam perkara melibatkan bidang kuasa jenayahnya sendiri iaitu jenayah keluar Islam ini. Ini kerana hanya beberapa buah negeri sahaja yang telah memperuntukan jenayah keluar Islam seperti Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Perak, Kelantan, Terengganu dan juga Sabah (Nor Ashikin Md Nasir, 2016). Ini bermakna masih banyak lagi negeri yang tidak mempunyai peruntukan khusus mengenai jenayah keluar Islam ini seperti Wilayah Persekutuan sendiri, Johor, Kedah, Perlis dan Sarawak.

Dilaporkan setiap hari, kes permohonan berkaitan jenayah keluar Islam semakin hari semakin meningkat. Ini dibuktikan dengan statistik dari Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017 yang telah melaporkan dari tahun 2014 hingga 2016, kes permohonan keluar Islam yang telah didaftarkan adalah sebanyak 171 kes (Nor Ashikin Md Nasir, 2016). Nilai atau kuantiti bagi 171 kes dalam tempoh 3 tahun adalah bukan satu jumlah yang sedikit. Bermaksud, masyarakat merasakan keluar Islam ini adalah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan di mana-mana badan perundangan syariah khususnya.

Secara konklusinya, jenayah keluar Islam ini boleh dilihat dari dua aspek iaitu yang pertama ialah lakuna dalam perundangan dan juga kesempatan yang diambil oleh segelintir masyarakat itu sendiri sehingga menjadikan alasan hak kebebasan

asasi sebagai alasan bagi setiap permohonan yang dilakukan. Justeru, dalam kajian ini akan memfokuskan tentang permasalahan kes keluar Islam dari sudut perundangan dan juga konflik yang berlaku antara hak kebebasan asasi dan juga jenayah syariah.

## **2.0 Keluar Islam menurut Fiqh dan Kerangka Perundangan Malaysia**

Keluar Islam merupakan istilah kepada perbuatan meninggalkan agama yang asal kepada agama yang baru. Istilah keluar Islam ini telah digunakan dalam istilah perundangan. Namun, dalam konteks agama Islam istilah keluar Islam ini lebih dikenali dengan 'Murtad'.

### **2.1 Definisi Murtad**

Murtad adalah berasal daripada perkataan Arab iaitu *Riddah* atau *Irtidad* yang berasal daripada kata akar yang antara lainnyanya membawa konotasinya "untuk berundur, bersara, menarik diri, atau kembali semula" (Rahman,S, 2015). Dari segi lainnyanya, Riddah adalah kembali kepada sesuatu kepada selainnyanya. Hal ini membawa maksud, sesuatu perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seseorang Islam yang mukallaf di mana perbuatan atau perkataan itu menyebabkan seseorang tadi keluar dari agama Islam (Rahman,S, 2015). Manakala, dari sudut istilah murtad atau keluar Islam ditakrifkan dengan pelbagai takrifan antaranya ialah orang murtad ialah orang Muslim (yang beragama Islam) yang keluar daripada agama Islam sama ada dengan kepercayaannya sendiri, dengan perkataan, atau dengan perbuatan atau dengan kehendaknya sendiri yang mana mereka ini telah beritiqad di dalam hati.

### **2.2 Undang-Undang yang Mengawal dan Mengatur Perbuatan Keluar Agama**

Selaras dengan pentadbiran mengikut negeri-negeri secara berasingan, oleh hal yang sedemikian, pentadbiran dan pengaturan undang-undang mengenai jenayah Keluar Islam adalah tidak sama.

Dalam kes ini, Lina Joy atau nama sebenar ialah Azlina Jailani merupakan seorang Melayu dan beragama Islam ingin menukar agama kepada agama Kristian. Oleh kerana kehendak pertukaran agama tersebut, beliau ingin menggugurkan perkataan 'Islam' dalam kad pengenalan beliau. Oleh itu, bagi urusan pertukaran nama telah diluluskan oleh Pejabat Pendaftaran Negara, namun perkara yang menjadi isu ialah perihal Islam yang hendak dibuang daripada kad pengenalan haruslah mendapat kelulusan atau pengisytiharaan daripada pihak Mahkamah Syariah. Oleh itu, Lina Joy telah mengemukakan Rayuan ke Mahkamah Rayuan dan seterusnya ke Mahkamah Persekutuan. Kesemua Mahkamah telah mengekalkan keputusan bahawa pengesahan yang berkaitan dengan agama haruslah dibuat oleh pihak Mahkamah Syariah sekaligus telah mengekalkan pihak Perayu di agama yang sama iaitu Islam sehingga asa pengesahan lain yang dibenarkan oleh pihak Mahkamah Syariah yang

menyatakan beliau bukan lagi seorang yang berstatus agama Islam.

### **3.0 Isu Berbangkit Bagi Kesalahan Keluar Islam Dari Aspek Perundangan Dan Pentadbiran**

#### **3.1 Aspek Perundangan**

Memandang serius akan isu keluar Islam merupakan satu isu yang memang tidak boleh untuk dielakkan memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai diversiti tradisi, adat budaya, bangsa atau ras dan juga tidak terkecuali ialah agama. Merujuk pada pandangan Tuan Musa Awang sebagai Peguam Syarie juga tidak dapat elak untuk mewakili pemohon dalam keluar Islam. Pada pihak wakil kepada pemohon sendiri yang mempunyai cabaran tersendiri yang harus dipikul dalam untuk membantu secara implikasi terhadap pihak yang terkeliru dengan status agama ini. Badan-badan pelaksana seperti Mahkamah juga mempunyai cabaran yang tertentu dalam untuk diberikan pandangan dan ruang bagi memutuskan keputusan bagi kes yang difailkan oleh pihak pemohon itu sendiri. Jika tersalah, ia akan membawa kepada satu impak yang merugikan kepada pemohon, masyarakat, mahupun agama Islam sendiri.

#### **i. Penggunaan Istilah yang Pelbagai bagi Merujuk kepada Kesalahan Keluar Islam**

Pada dasarnya, hukuman bagi kesalahan keluar Islam adalah tetap dan jelas telah diletakkan di bawah hukuman hudud sebagaimana kebanyakan ulama dalam ketetapan mereka atau sebagaimana ketetapan dalil-dalil primer dalam Islam seperti Al- Quran dan Hadis yang jelas menunjukkan bahawa hukuman bagi pesalah Keluar Islam ialah hukuman bunuh. Sedangkan kisah daripada Ummu Marwan, seorang wanita yang keluar dari Islam apabila dipujuk untuk kembali bertaubat namun menolak tetap dibunuh, inikan pula pesalah lelaki yang jelas telah meninggalkan agama Islam. Kebanyakan pandangan ulama telah mewajibkan untuk membunuh orang yang keluar dari Islam apabila beliau tidak mahu untuk kembalik kepada Islam dan bertaubat (Zulkifli Hassan, et.al., 2007).

Namun, sesuai dengan perubahan hukum dengan sebab perubahan zaman, umat Islam masa kini adalah tidak seperti umat Islam Ketika di zaman Rasulullah dan para sahabat. Jika dahulu boleh dikatakan semua para ulama telah bersepakat dan berpegang teguh bahawa keluar Islam akan dikenakan hukuman hudud manakala ada ulama kontemporari menyatakan tiada ketetapan mengenai hukuman bagi kesalahan keluar Islam ini atau dalam erti kata lain ia terletak di bawah hukuman takzir. Maka, wujud perbezaan bagi dua istilah ini iaitu murtad dan juga keluar Islam. Bagi istilah murtad, ianya tidak disebut dalam enakmen kesalahan jenayah syariah di kebanyakan negeri di Malaysia. Dan jika diteliti pada kitab-kitab terdahulu yang menerangkan mengenai hukuman bagi kesalahan keluar Islam, rata-ratanya adalah menggunakan

istilah Murtad berbanding keluar Islam. Misalnya, pada penulisan Pengantar Fiqh As-Sunnah Jilid 3 (Sayyid Sabiq, 2007) penggunaan istilah '*Riddah*' digunakan bagi menjelaskan soalan dan isu mengenai murtad atau keluar Islam.

Namun istilah yang digunapakai dalam enakmen-enakmen yang ada ialah kesalahan keluar Islam. Bagi istilah murtad ataupun penggunaan bagi kesalahan murtad telah cuba diperuntukan dan cuba dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu suatu ketika dahulu. Menurut pandangan daripada Zulkifli Hasan (Zulkifli Hassan, et.al., 2007) berkemungkinan penggunaan keluar Islam lebih digunakan berbanding istilah murtad kerana hukuman murtad merupakan hukuman yang 'solid' atau hukuman mati dan jika ianya disabitkan, ia adalah suatu perkara yang melangkaui dan keluar daripada bidang kuasa mahkamah syariah memandangkan hukuman maksimum yang boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah- mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia hanyalah merangkumi 3 tahun penjara atau 6 sebatan atau RM5000 denda atau kombinasi mana-mana daripada hukuman tersebut.

## ii. Hukuman yang Tidak Seragam Antara Negeri-Negeri yang Ada

Seterusnya, mengenai ketetapan hukuman bagi kesalahan keluar Islam, hanya 5 buah negeri sahaja di Malaysia iaitu Terengganu, Kelantan, Sabah, Perak dan Melaka yang mempunyai peruntukan khusus mengenai kesalahan keluar Islam ini beserta dengan hukumannya.

Jadual 1 : Negeri-Negeri Yang Memperuntukan Kesalahan Keluar Islam Dan Hukumannya

Negeri	Enakmen	Kesalahan	Seksyen	Bentuk Hukuman
Terengganu	Enakmen Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Kesalahan Mendakwa Islam.	Seksyen 7: bukan	1. Denda tak melebihi RM5000 2. Penjara tak melebihi 3 tahun 3. Kedua-duanya
Kelantan	Enakmen Majlis Islam Dan Adat Melayu Kelantan 1994	Majlis Agama Pengesahan	Seksyen 102:1. seseorang Islam	1. Ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tak melebihi 36 bulan 2. Diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak

Sabah	Enakmen Jenayah Syariah 1995	Kesalahan	Seksyen Percubaan Murtaf	63:	1. Ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tak melebihi 36 bulan dengan tujuan pendidikan 2. Diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak
Perak	Enakmen (Syariah) 1992	Jenayah	Seksyen Perbuatan atau Perkataan Murtaf	13:	1. Denda tak melebihi RM3000 2. Penjara tak melebihi 2 tahun
Melaka	Enakmen Syariah (Negeri Melaka) 1991	Kesalahan	Seksyen Percubaan Murtaf	66:	1. Ditahan di Pusat Bimbingan Islam untuk tempoh tidak melebihi 6 Bulan 2. Diminta bertaubat mengikut Hukum Syarak.

Pertama sekali yang boleh dilihat jelasnya perbezaan antara 5 buah negeri ini ialah bentuk hukuman yang dikenakan terhadap pesalah yang disabitkan iaitu terbahagi kepada dua bentuk hukuman iaitu pertamanya ialah hukuman denda dan penjara. Bagi hukuman denda dan penjara, walaupun hanya dua buah negeri sahaja (Terengganu dan Perak) yang menetapkan hukuman tersebut, namun, masih wujud perbezaan bagi jumlah denda dan tempoh penjara yang dikenakan. Ini bermakna ketetapan tersebut boleh dikatakan terserah kepada negeri masing-masing dalam untuk menetapkan kuantiti yang diyakiki oleh pihak negeri berkenaan.

Seterusnya, bagi negeri-negeri yang lain (Kelantan, Sabah dan Melaka) hanya menetapkan hukuman untuk ditahan di Pusat Bimbingan Islam bagi tempoh mengikut negeri masing-masing iaitu di Kelantan dan Sabah adalah 36 bulan (3 tahun), namun di Melaka hanyalah tempoh selama 6 bulan sahaja. Di samping itu juga, setiap daripada tahanan itu, pesalah juga akan diminta untuk bertaubat mengikut Hukum Syarak sebagaimana yang telah ditetapkan. Ini juga bererti walaupun negeri-negeri ini tidak menjalankan hukuman seperti denda atau penjara, namun pihak negeri tersebut masih lagi menetapkan hukuman yang bersifat pemulihan iaitu dengan menghantar pesalah ke Pusat Bimbingan Islam dalam tempoh yang ditetapkan oleh peruntukan masing-masing.

iii. Ketiadaan Peruntukan Kesalahan Keluar Islam Di Dalam Akta/Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri

Umum mengetahui keluar Islam merupakan suatu kesalahan di Malaysia. Namun ianya tertakluk dibawah peruntukan negeri masing-masing dalam untuk menentukan setiap hukuman bagi peruntukannya. Di Malaysia, bagi 14 negeri, masing-masing mempunyai kepelbagaian dalam peruntukan yang berkaitan dengan kesalahan keluar Islam. Melihat kepada Jadual 2 diatas, pertama sekali adalah negeri-negeri yang memperuntukan Keluar Islam sebagai suatu kesalahan jenayah syariah hanyalah 5 buah negeri sahaja dan daripada 5 buah negeri ini iaitu Perak, Melaka, Terengganu, Kelantan dan Sabah.

Hanya 2 negeri (Perak dan Terengganu) sahaja yang meletakkan hukuman penjara dan denda. Selebihnya ialah menghantar pesalah ke Pusat Bimbingan Islam. Maka, jumlah hukuman yang ada daripada 5 buah negeri ini cukup jelas menunjukkan bahawa hukuman yang diberikan adalah tidak maksimum yang mungkin sedangkan jika dilihat pada zaman dahulu (sahabat), keluar Islam atau Murtaad merupakan suatu kesalahan yang besar di sisi syarak sehingga dihukum bunuh dan bukannya suatu perkara yang boleh diambil remeh. Tambahan lagi, peruntukan daripada 5 buah negeri ini juga adalah pelbagai dan tidak selaras antara 5 buah negeri yang telah memperuntukan kesalahan yang sama tetapi di akhirnya membawa kepada pelaksanaan hukuman yang berbeza.

Misalnya di negeri Kedah dan Terengganu yang telah meletakkan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen Mahkamah Syariah Negeri, manakala negeri-negeri lain (Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor) telah meletakkan di bawah Enakmen Pentadbiran Negeri dan hanya negeri Kelantan yang meletakkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu bagi pengesahan status agama seseorang ini. Kepelbagaian yang berlaku ini jelas menunjukkan bahawa keselarasan antara semua negeri di Malaysia ini tidak wujud dan menjadikan ia sebagai suatu peluang untuk 'orang luar' mengambil kesempatan dalam hal ehwal ini.

*(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua Tindakan dan prosiding dalam aman semua pihak adalah orang Islam dan berhubungan dengan:*

*(x) perkara-perkara lain yang berkenaan dengannya bidang kuasa diberikan oleh mana-mana undang-undang bertulis.*

Oleh hal sedemikian, isu ini telah dibincang dengan panjang lebar oleh mahkamah sivil dan terdapat beberapa pendekatan yang berbeza yang diambil oleh mahkamah sivil antaranya ialah pendekatan yang meluas untuk memberi bidangkuasa secara tersirat atau implikasi. Dengan kata lain bahawa hanya rujukan terhadap Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 berkenaan ketiadaan peruntukan bagi bidangkuasa Mahkamah ini mendengar, membicarakan, dan memutuskan kes seumpama ini adalah tidak mencukupi. Maka, pendekatan

secara tersirat atau secara implikasi telah diambil dalam beberapa keputusan mahkamah bagi mentafsirkan bidang kuasa mahkamah syariah itu sendiri.

### 3.2 Aspek Pentadbiran

#### i. Ketiadaan Peruntukan Prosedur Pengisytiharan Status Keluar Islam Bagi Negeri-Negeri Di Malaysia

Pengisytiharan status agama Islam sememangnya terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk menentukannya. Namun bagi prosedur untuk pengisytiharan itu adalah bermula daripada awal lagi. Di Malaysia, hanya Negeri Sembilan sahaja yang telah memperuntukan secara khusus bagi prosedur atau tatacara untuk pengisytiharan status keluar Islam iaitu dibawah seksyen 119, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

#### ii. Keberkesanan Modul Di Pusat Islam

Memahami prosedur bagi setiap Permohonan keluar Islam, proses perintah taubat (istitabah) melalui proses runding cara akidah bagi tujuan taubat di pusat pemulihan akidah merupakan salah satu prosedur yang perlu atau wajib bagi setiap permohonan yang dilakukan. Proses Istitabah secara literalnya bermaksud suatu proses untuk memohon taubat atau menganjurkan taubat. Ini disokong dalam Kitab Al-Umm yang mana membincangkan bahawa Istitabah ini telah dilihat kukuh dalam perbincangan disiplin ilmu kerana bersandarkan daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Misalnya perbincangan berkenaan istitabah ini boleh didapati dalam perbahasan mengenai masalah Riddah dan sebelum pelaksanaan hukum had keatas orang-orang murtad. Malah perkara ini turut sama dibincangkan dalam permasalahan bacaan Al-Quran daripada Riwayat syadh dimana pelakunya perlu untuk menjalani al-istitabah (Wan Mohd Fazrul, 2021).

Berbalik kepada pentadbiran bagi isu ini, bukan sekadar permohonan bagi pengisytiharan keluar Islam sahaja yang memerlukan kepada proses istitabah. Malah percubaan untuk keluar daripada agama Islam juga, jika disabitkan dengan kesalahan, mahkamah terlebih dahulu akan memerintahkan pesalah untuk dihantar ke Pusat Bimbingan Islam bagi mempelajari berkenaan akidah *Islamiyyah*. Sebagai contoh ialah negeri Melaka di bawah seksyen 66(1) Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 yang memperuntukkan bahawa apabila seseorang Islam dengan sengaja mengaku percubaan untuk keluar agama Islam atau mengisytiharkan dirinya sebagai orang yang bukan Islam, maka mahkamah boleh memerintahkan orang itu supaya ditahan di Pusat Bimbingan Islam selama tempoh tidak melebihi enam bulan dengan tujuan pendidikan, dan orang itu diminta bertaubat mengikut hukum syarak. Sekiranya orang itu bertaubat dengan serta merta, maka mahkamah hendaklah mengesahkan taubatnya dan membebaskannya. Sebaliknya, jika orang itu bertaubat semasa dalam tahanan, mahkamah hendaklah mendapatkan

laporan daripada Pegawai Penjaganya dan mengesahkan taubatnya setelah berpuas hati dengan laporan tersebut.

Selaras dengan itu juga, berdasarkan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada 30 Mei 2012 menyatakan:

“Untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.”  
“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menetapkan dan memerintahkan orang yang telah murtad tersebut supaya menjalani satu tempoh istitabah tidak kurang daripada 12 kali majlis.”

Ini bererti, ia merupakan satu keperluan bagi setiap permohonan yang dilakukan untuk menghadiri sesi berkenaan terlebih dahulu. Persoalannya adakah modul yang disediakan dalam sesi bimbingan berkenaan ‘cukup’ bagi individu yang sudah hilang tarikan terhadap agama Islam. Berdasarkan kajian yang dijalankan dalam penyelidikan Zanariah Dimon (2021), beliau menyatakan bahawa sesi bimbingan yang dijalankan menunjukkan para pemohon memberi kerjasama yang baik sepanjang sesi pemurnian akidah di Selangor dan tidak menunjukkan respon yang sangat negatif. Cuma ia memerlukan masa dan ruang yang bersesuaian untuk mengembalikan mereka kepada ajaran Islam. Oleh itu, keberkesanan proses pemurnian akidah ini dapat diukur melalui kepatuhan pemohon dan pelatih dalam menghadiri proses sesi yang dijalankan, respon semasa sesi, kesesuaian tempoh dan modul serta potensi kes-kes berulang.

Pengukuran kejayaan amalan Istitabah amat berkait rapat dengan hidayah Allah SWT dan sukar untuk diukur secara tepat. Namun begitu, berbeza pula pandangan daripada hasil temubual yang dilaksanakan, sebahagian pengamal undang-undang menyatakan bahawa faktor pergaulan individu di rumah, tempoh bagi pelaksanaan modul, konsultan yang berkepimpinan merupakan faktor yang perlu dititikberatkan kerana ia menjadi penyumbang kepada kurang keberkesanan bagi modul berkenaan. Misalnya merujuk kepada situasi yang digambarkan oleh Puan Aishah Din sewaktu sesi temubual dijalankan, bagi anak guamnya selepas pulang daripada sesi kaunseling untuk bertaubat dan kembali kepada agama Islam, mereka masih lagi bertekad untuk keluar dari agama Islam. Apabila ditanya, mereka menyatakan bahawa tidak apa ‘input’ di sepanjang 6 atau 12 sesi yang dihadiri oleh mereka. Maka, pendapat beliau adalah mungkin kerana ialah tempoh jarak bagi setiap sesi adalah begitu jurang iaitu sebulan sekali atau sebulan dua kali sehinggakan mereka boleh katakan apabila pergi ke sesi kaunseling mungkin mereka akan tekun mendengar, namun apabila pulang ke rumah, mereka masih lagi bergaul dengan kawan-kawan yang sama dan pengaruh agama asal yang sama.

Rumusannya di sini, walaupun modul ini dilihat sebagai isu yang kecil namun,

cara pengendalian bagi sesebuah modul itu mampu untuk kembalikan hati pesalah untuk bertahan dengan agama Islam dan kekal dalam agama ini.

#### **4.0 Kes Berkaitan**

i. Dalam Perkara Permohonan Pengisytiharan Pembubaran Perkahwinan Disebabkan Pertukaran Agama- Permohonan Siti Aisyah Janthip Aisam JH XXI/II (2006)

Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu, Terengganu dan dihakimi oleh Dato' Haji Ismail bin Yahya, KHS pada 8 Zulhijjah 1426 bersamaan 8 Januari 2006.

Fakta kes:

Pemohon di dalam kes ini Siti Aisyah Janthip Aisam, membuat permohonan supaya Mahkamah membuat pengesahan berkuatkuasanya pembubaran perkahwinan antara Pemohon dengan suami Pemohon sebagai akibat dari perbuatan Pemohon memeluk Islam pada 20 Februari 2005, dan telah tidak diikuti perbuatan masuk Islam oleh Enui anak lelaki Aisom, suami Pemohon, warganegara Malaysia. Pemohon telah berkahwin dengan Enui anak lelaki Aisom dan telah diupacarakan di Kuil Tin Ann Kong, Pasir Puteh, Kelantan, pada 31 Mei 1990. Perkahwinan ini telah didaftarkan mengikut Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, oleh Pendaftar Perkahwinan Daerah Pasir Puteh, Kelantan dengan nombor 061250. Pada masa perkahwinan itu dilangsungkan Pemohon dengan Enui adalah beragama Budha. Sebelum tarikh berkahwin dan setelah disahkan berkahwin serta didaftarkan perkahwinan Pemohon dengan Enui anak lelaki Aisom, Pemohon tinggal bersama Enui anak lelaki Aisom di alamat No. 12 Kampung Pak Kiang, Keluang, 22200 Besut, Terengganu. Kemudian, Pada 20 Februari 2005, Pemohon telah memeluk Islam dengan suka dan rela hati sendiri dengan ikhtiar dan tidak dipaksa oleh sesiapa di hadapan Pegawai PERKIM di ibu pejabat PERKIM Bahagian Negeri Terengganu. Pada hari yang sama Pemohon telah pergi ke Pejabat Agama Daerah Kuala Terengganu untuk mendaftar Akuan Masuk Islam.

Penghakiman:

Berkaitan dengan kes ini, Mahkamah telah mensabitkan perkahwinan Siti Aisyah Janthip Aisam, seorang warganegara Thailand, pemegang Passport Thailand No: J 377355, Pemohon, dengan Enui anak lelaki Aisom, KP: 6876121 mengikut upacara agama Budha di Kuil Tin Ann Kong, Pasir Puteh, Kelantan, pada 31 Mei 1990 terputus mengikut Hukum Syara' akibat daripada masuknya Siti Aisyah Janthip Aisam ke agama Islam mulai 20 Februari 2005 dengan tidak diikuti masuk Islam oleh Enui anak lelaki Aisom dalam tempoh 'iddah Siti Aisyah Janthip Aisam mulai hari ini, 8 Zulhijah

1426 bersamaan 8 Januari 2006. Seterusnya Mahkamah juga telah mensabitkan perkahwinan Siti Aisyah Janthip Aisam, seorang warganegara Thailand, pemegang Passport Thailand No: J 377355, Pemohon, dengan Enui anak lelaki Aisom, mengikut upacara agama Budha di Kuil Tin Ann Kong, Pasir Puteh, Kelantan, pada 31 Mei 1990 terubur mengikut Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam (Terengganu) 1985, mulai hari ini, 8 Zulhijjah 1426 bersamaan 8 Januari 2006 akibat daripada masuknya Siti Aisyah Janthip Aisam ke agama Islam mulai 20 Februari 2005 dengan tidak dikuti masuk Islam oleh Enui dalam tempo 'iddah Siti Aisyah Janthip Aisam. Dan untuk itu, Mahkamah perintah Siti Aisyah Janthip Aisam, Pemohon, ber'iddah dengan 'iddah suci [tiga kali datang haid] dalam talak bain bermula hari ini, 8 Zulhijjah 1426 bersamaan 8 Januari 2006.

ii. Permohonan Pengisytiharan Status Agama Islam Janisah binti Abd Rahim @ Bigul JH XXII/I (2004)

Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah, di Keningau, Sabah dan dihakimi oleh Tuan Jasti @ Nasip Bin Mat Jakir, HMTS pada 20 Mei 2004.

Fakta kes:

Pemohon dalam kes ini telah memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah agar membuat satu perisytiharan bahawa Pemohon bukan seorang Islam dan tidak pernah memeluk agama Islam. Permohonan ini dibuat atas sebab kekeliruan di pihak Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia Keningau untuk menerima permohonan anak Pemohon membuat kad pengenalan kerana masalah nama Pemohon dan bapanya yang mirip nama yang biasa dipakai itu Pemohon telah memfailkan permohonan in bagi mendapatkan satu kepastian mengenai kedudukan agamanya.

Responden dalam kes ini adalah Pendaftar Muaf JHEAINS yang diwakili oleh En. Japirin Bin Sarumin. Pemohon telah memanggil bapanya Bigul Bin Sabintal atas arahan Mahkamah bagi mendapatkan keterangan dan penjelasan bagaimana nama Abdul Rahim yang dibintikan kepada Janisah itu diperolehi. Menurut keterangan saksi Pemohon yang juga bapa kepada Pemohon nama Abdul Rahim itu dia sendiri tidak tahu dan tidak pernah mendaftarkannya. Menurut keterangan saksi dia pernah berubat kampung dengan seorang dukun yang tidak dikenali tapi difahamkan beragama Islam telah menyarankan agar saksi ini masuk Islam. Saksi memberitahu bahawa tawaran itu tidak pernah dilaksanakannya iaitu memeluk Islam. Secara kebetulan semasa berubat di Ampung Pamalan, Keningau. Isterinya sedang hamil dan telah melahirkan anak perempuan semasa saksi ini belum sembuh. Saksi tidak tahu siapa yang telah daftarkan kelahiran anaknya dengan nama Janisah Binti Abd Rahim. Saksi masih kekal tidak menganut mana-mana agama hingga ke hari ini (Pagan). Dalam keterangan Responden pula telah mengesahkan bahawa tidak terdapat dalam daftar kemasukan Islam Pemohon dan bapanya dalam daftar kemasukan Islam bermula 1981 hingga kini.

Penghakiman:

Puan Janisah Binti Abdul Rahim merupakan bukan seorang Islam dan tidak pernah memeluk agama Islam. Alasan Penghakiman Tuan Jasri @ Nasip bin Mat Jakir. HMTS telah menyatakan bahawa jika apa-apa soal timbul dalam negeri Sabah sama ada seseorang itu adalah seorang Mualaf dan orang itu tidak didaftar atau tidak pernah terdaftar dalam daftar Mualaf atau di bawah mana-mana undang-undang mana-mana Negeri sebagai seorang Mualaf, soalan itu hendaklah diputuskan berdasarkan kepada merit kes itu mengikut seksyen 69, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam No. 13/1992. Seorang itu dipanggil "Mualaf" apabila ia telah mengucapkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara yang munasabahnyanya jelas serta tahu maksud ucapan dua kalimah syahadah tersebut. Manakala orang Islam pula ialah:

- a. seseorang yang menganut agama Islam
- b. seseorang yang salah seorang atau kedua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu adalah Islam
- c. seseorang yang cara dia dibesarkan telah dijalankan atas asas bahawa dia adalah orang Islam
- d. seseorang yang telah masuk Islam mengikut kehendak-kehendak seksyen 69
- e. seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam
- f. seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan di mana di terikat oleh undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia adalah orang Islam, samada pernyataan itu secara lisan atau bertulis.

Dalam kes ini pemohon didapati tidak memiliki mana-mana satu ciri-ciri yang dinyatakan oleh seksyen 2(1), mengenai tafsiran "Orang Islam" di perenggan (a) hingga (f). Soal nama bapa Pemohon yang menyerupai nama yang lazimnya digunakan oleh orang Islam bukanlah menjadi bukti bahawa Pemohon dan bapanya adalah orang Islam. Mahkamah tidak mendapati mana-mana peruntukan undang-undang yang menetapkan bahawa mana-mana orang yang memakai nama yang lazimnya dipakai oleh orang Islam adalah menjadi orang Islam. Keputusannya adalah, setelah berpuas hati keterangan yang diberi oleh Pemohon dan bapanya dan juga respon daripada Responden dan setelah merujuk peruntukan undang-undang yang berkaitan di bawah seksyen 2(1), seksyen 69 dan seksyen 77 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah 1992, Mahkamah memutuskan dan mengisytiharkan bahawa Puan Janisah Binti Abdul Rahim bukan seorang Islam dan tidak pernah memeluk agama Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 2(1) tafsiran "Orang Islam", dan seksyen 69 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah 1992.

iii. Permohonan Pengisytiharan Status Agama Islam Simati Nelson William Johney @ Khairulzain Johney Abdullah JH XXII/I (2005)

Kes ini dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah di Kota Kinabalu, Sabah, dan dihakimi oleh Tuan Ahmad bin Lakim, HMTS pada 18 Mei 2005.

Fakta kes:

1. Permohonan dibuat secara ex-parte oleh Hj Khamis @ Jani Bin Jamil, mewakili Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), bertindak sebagai Pemohon (P).
2. Pemohon (P) dilantik sebagai Pendaftar Muafak oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) di bawah peruntukan seksyen 73, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah (EPUIS) 1992, Bahagian VI.
3. Simati (SM) bernama Nelson William Johney @ Khairulzain Johney Abdullah, KP 731227-12-5211 telah meninggal dunia pada 8 April 2005 di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, Johor.
4. Sebelum jenazah SM dibawa pulang ke Sabah, jenazahnya telah dimandi, dikafan dan disembahyangkan mengikut Hukum Syarak di Johor.
5. Tempat lahir si mati adalah di Daerah Papar, Sabah dan alamatnya mengikut dalam KP ialah Kg Tanjung Aru, Kota Kinabalu. Sementara alamat perhubungan ialah No. 11, Lorong 12, Kg Sembulan Baru, Kota Kinabalu sebelum SM berpindah kerja ke Johor.
6. Status SM ialah bujang, belum pernah berkahwin sehingga SM meninggal dunia, berumur 32 tahun dan suku bangsa Kadazan.
7. SM memeluk Islam di Kota Kinabalu pada 13 Dis 2003 dan didaftarkan oleh Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (JHEAINS), Rujukan Daftar: PBS/2003/92.
8. Sebelum memeluk Islam, SM telah membuat AKUAN BERKANUN pada 12 Dis 2003 di hadapan Jaksa Pendamai (JP) Datuk Hj. Mursidi Nambi yang mana akuan tersebut tertakluk kepada Aka Akuan Berkanun 1960. Antara lain SM menyatakan dalam akuan tersebut bahawa sekiranya berlaku kematian, jenazahnya hendaklah diuruskan oleh orang Mukmin (orang Islam) dan mengizinkan pihak JHEAINS atau Badan-Badan Islam untuk menggali kuburnya agar menguruskan jenazahnya sebagaimana jenazah orang Islam dikebumikan mengikut Hukum Syarak.
9. Selepas mendaftarkan pengislamannya di Bahagian Dakwah dan didaftarkan dalam Buku Daftar Muafak, pihak JHEAINS mengeluarkan surat pengesahan Islam.
10. Hasil aduan orang awam dan menyedari perkara itu merupakan tanggungjawab pihak berkuasa agama, JHEAINS melalui Bahagian Dakwah telah membuat Affidavit Permohonan yang diikrarkan pada 4 Mei 2005 di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah. Kemudian JHEAINS melalui

surat bertarikh 11 Mei 2005 memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi Syariah dan setelah permohonan didaftarkan pada 16 Mei 2005, Mahkamah mengeluarkan Notis Permohonan Ex-parte untuk sebutan/ pendengaran pada tarikh yang sama.

11. Isu permohonan kes in ialah mengenai jenazah SM yang menganut agama Islam telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Orang Kristian Kinarut, Papar mengikut ajaran Kristian.
12. Antara permohonan Pemohon ialah supaya:
  - a. Satu perintah mengesahkan SM adalah seorang Islam seperti diperuntukan dalam s 76(1)(2) EPUIS dan dibaca bersama seksyen 10(2)(b)(x) Enakmen Mahkamah Syariah 1992.
  - b. Satu perintah kebenaran menggali kubur SM di Tanah Perkuburan Orang Kristian, di bawah seksyen 98(3) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995.
  - c. Memerintahkan jenazah SM diuruskan, dikendalikan dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Orang Islam yang berhampiran mengikut kaedah yang ditetapkan oleh ajaran Islam.
  - d. Lain-lain perintah yang difikirkan patut dan wajar oleh Mahkamah.

Sebutan kes pada 16 Mei 2005 di hadapan Yang Arif Ahmad bin Lakim. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri di Mahkamah Svariah Kota Kinabalu. Setelah berpuas hati dengan keterangan, fakta dan dokumen- dokumen kes, mengambil kira peruntukan seksyen 76(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah, (EPUIS) 1992, dibaca bersama seksyen 10 (2)(b)(x) Enakmen Mahkamah Syariah Sabah, 1992 dan seksyen 98(3) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah, 1995, Mahkamah meluluskan permohonan Pemohon dan perintah dikeluarkan pada 18 Mei 2005 selepas draf perintah diluluskan.

Diputuskan:

Mahkamah telah mengisytiharkan bahawa status agama SM adalah sebagai seorang Islam

Alasan penghakiman:

Merujuk isu kes ini, Mahkamah tidak ragu-ragu bahawa kemasukan SM masuk Islam dan telah didaftarkan secara teratur dalam Buku Daftar Muallaf sebagaimana keterangan yang diberikan. Berasaskan peruntukan tersebut, SM dalam kes in adalah diiktiraf sebagai seorang Islam dan hendaklah diperlakukan sebagai seorang Islam iaitu tertakluk kepada Hukum Syarak serta apa-apa undang-undang yang berkuatkuasa sebagaimana lazimnya diperuntukan atau dikenakan terhadap seseorang Islam lain dalam Negeri Sabah. Kehendak peruntukan ini jelas dinyatakan dalam seksyen 76(2) EPUIS yang memperuntukan bahawa:

*'Seseorang yang kemasukan Islamnya telah didaftarkan di bawah mana- mana undang-undang mana-mana Negeri hendaklah, bag semua maksud di Negeri Sabah dan bagi maksud menguatkuasakan di Negeri Sabah peruntukan- peruntukan mana-mana undang-undang, diperlakukan sebagai seorang Islam'.*

Berdasarkan peruntukan tersebut, SM yang disabitkan sebagai seorang Islam hendaklah diperlakukan iaitu diuruskan jenazahnya dari awal hingga akhir dikebumikan secara Islam. Oleh itu lokasi pengkebumiannya juga mesti di Tanah Perkuburan Orang Islam dan TIDAK WAJAR di Tanah Perkuburan Orang Kristian memandangkan SM adalah penganut Islam. Justeru itu pemindahan lokasi kuburan hendaklah dilaksanakan demi menjaga hak-hak SM dan mengelakkan salah faham, tohmahan, fitnah dan sentimen agama. Tindakan pemindahan kuburan ini juga mesti dilaksanakan kerana ianya menjadi hasrat dan niat SM seperti dinukilkan dalam borang Akuan Berkanun yang dibuatnya pada 12 Dis 2003. Lantaran itu, hukum syarak membolehkan kubur SM digali dan mayatnya wajib diuruskan iaitu dikebumikan di Tanah Perkuburan orang Islam mengikut cara Islam.

Pun begitu, tindakan menggali kubur dan memindahkan mayat SM tidak boleh disalah tafsir atau dikatakan sebagai menyinggung perasaan mana -mana pihak atau dianggap merampas hak- hak orang bukan Islam. Ini kerana tujuan tindakan tersebut adalah dengan NIAT BAIK dan isu utama kes in SM adalah seorang Muallaf dan masih sebagai penganut Islam. Sebagai rakyat Malaysia, semua pihak mesti menghormati kebebasan hak asasi rakyat iaitu termasuk kebebasan beragama seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 11. Menghormati kebebasan beragama termasuk menghormati pilihan SM menganut agama Islam dan menghormati hasrat atau niatnya untuk dikebumikan mengikut ajaran Islam.

Setelah Mahkamah meneliti dan mengambil kira fakta kes dan keterangan-keterangan Pemohon dan meneliti dokumen-dokumen termasuk exhibit-exsibit dalam fail kes ini dan setelah berpuas hati dengan fakta kes, dokumen dan rekod tersebut, Mahkamah telah meluluskan permohonan Pemohon seperti yang dinyatakan dalam Notis Ex-parte bertarikh 16 Mei, 2005 dan affidavit permohonan bertarikh 12 Mei, 2005. Berdasarkan fakta- fakta dan dokumen-dokumen itu juga, Mahkamah tidak meragui keislaman SM dan dengan ini mengesahkan serta mengisytiharkan bahawa SM bernama Nelson William Joney @ Khairulzain Johny Abdullah, adalah seorang penganut Islam semasa hayatnya dan berterusan sebagai seorang Islam sehingga saat kematiannya.

## **5.0 Penyelesaian Konflik keluar Islam sebagai Suatu Jenayah atau Hak Kebebasan Asasi**

Rentetan dari perkara di atas, ianya menjadi lebih parah apabila wujud badan- badan yang menerajui dan meletakkan kebebasan semua agama dalam lingkungan yang sama sehingga tidak membezakan antara yang Islam mahupun tidak. Antaranya ialah satu

pertubuhan NGO di Malaysia iaitu Islam Interfaith Commision (IFC) atau nama sebenarnya ialah Inter Religious Centre (IRC), yang mana turut dikenali sebagai Majlis Suruhanjaya Antara Agama-Agama. Agenda utama penubuhannya adalah meletakkan semua agama dalam kedudukan yang sama sehingga setiap orang bebas untuk menentukan status agama masing-masing serta memastikan tidak ada halangan bagi seorang Muslim untuk murtad.

Jika merujuk kepada Perkara 18, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat atau *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR) 1948, hak kebebasan beragama adalah termasuk memberikan kebebasan menukar agama atau kepercayaannya. Perkara ini juga telah dikaitkan dalam konteks Islam, yang telah menyatakan kebebasan yang diberikan dalam syariat kehidupan. Misalnya ialah prinsip Islam yang tidak memaksa mana-mana individu atau golongan bukan muslim untuk memeluk agama Islam. Ini seperti mana yang terkandung di dalam surah al-Baqarah ayat 256:

Maksudnya: **Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam)**, kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Selain dari itu diperkatakan juga, Piagam Madinah yang telah dimeterai oleh Rasulullah SAW dengan warga Madinah juga menjelaskan tentang 'tiada paksaan dalam Islam' apabila Baginda SAW membenarkan masyarakat bukan Islam terutamanya golongan Yahudi tinggal di Madinah dan kekal menganut agama mereka. Ini sepertimana yang terkandung dalam Fasal 25, Piagam Madinah yang berbunyi:

*Kaum Yahudi dari Bani 'Awf adalah umat dengan mukminin. Bagi kaum Yahudi agama mereka, dan bagi kaum muslimin agama mereka. Juga (kebebasan ini berlaku) bagi sekutu-sekutu dan diri mereka sendiri, kecuali bagi yang zalim dan jahat. Hal demikian akan merosak diri dan keluarganya.*

Selain itu, dibahaskan juga bahawa pernyataan didalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang membawa kepada implikasi turut sama memberi ruang kepada sesetengah pihak yang menyatakan sebagai golongan dewasa yang mempunyai hak, begitu jugalah dalam perihal agama. Perkara ini turut sama diperjelaskan dalam penulisan (Mohd Sabree Nasri, 2016) dimana pihak yang membuat permintaan untuk murtad di Malaysia atas nama hak kebebasan beragama di Malaysia menurut Perkara 11 tersebut sewajarnya memahami dengan mendalam skema Perlembagaan Persekutuan terlebih dahulu terutama terhadap maksud ruang lingkup hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu lebih terarah kepada kebebasan penganut dalam mengamalkan dan mengembangkan agama masing-masing di Persekutuan serta turut perlu dijelaskan bahawa terdapat sekatan bagi penyebaran agama selain Islam di Persekutuan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. Hal tersebut

adalah selaras dengan keutamaan agama Islam dalam Persekutuan menurut Perkara 3 (1) dan seseorang penganut Islam adalah tetap tertakluk kepada undang-undang Islam sebagai undang-undang diri yang mengikat mereka melalui Senarai Negeri (Senarai II) Jadual Ke-9, Perlembagaan Persekutuan.

Pertama sekali bagi menyelesaikan isu ini, untuk orang yang beragama Islam sewajarnya meletakkan garisan limitasi dalam agama Islam ini sendiri. Bukan setakat hanya patuh pada apa yang yang disuruh dalam agama bahkan wajiblah untuk patuh pada apa yang dilarang juga dalam agama. Dan ada juga sesetengah daripada perkara yang tidak dapat untuk dipatuhi, segelintir pihak mengambil keputusan untuk meninggalkan agama Islam itu sendiri. Tamsilnya, dalam kes *Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Yang Lain*<sup>98</sup>. Kes ini ialah mengenai wanita Melayu Malaysia yang mengaku telah murtad (keluar dari agama Islam) dan memeluk agama Kristian Katolik. Lantaran itu beliau cuba menggugurkan perkataan Islam daripada kad pengenalan MyKad yang dimilikinya. Rayuan dan permohonannya dibuat dengan mengeneipkan kuasa mahkamah syariah, tetapi secara langsung melalui proses undang-undang sivil. Dalam kes ini, sebenarnya kuasa Mahkamah Persekutuan terhad dan tidak boleh memaksa Jabatan Pendaftaran Negara memadam perkataan Islam tersebut. Sebaliknya, bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai hal-ehwal Islam lebih diberi keutamaan dari Mahkamah Persekutuan dan Jabatan Pendaftaran Negara serta Mahkamah Persekutuan.

Hak asasi seseorang itu juga terlindung dalam 'konteks' memeluk agama Islam, menurut peraturan yang telah ditetapkan. Maka, Mahkamah Syariah terlebih dahulu mesti mengeluarkan satu sijil, deklarasi atau surat perintah yang mengesahkan seseorang Melayu beragama Islam itu 'murtad' dan sah terkeluar daripada Islam. Selepas itu barulah perkataan Islam boleh dipadam dari kad pengenalannya. Oleh itu, Ketua Hakim Negara Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dari Mahkamah Persekutuan menjelaskan JPN berhak untuk mengajukan syarat kepada sesiapa yang 'murtad' mengemukakan sijil atau deklarasi atau satu perintah daripada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dia keluar daripada Islam sebelum bertindak menggugurkan perkataan Islam dalam kad pengenalannya. Maka, secara keseluruhannya kes ini telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan. Berhubung dengan kes ini, kaedah implikasi perundangan merupakan cara bagi meletakkan kesalahan Keluar Islam di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah sesuai dengan Seksyen 46 (2) (b) (x) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1993. Bagi menjawab persoalan adakah keluar Islam merupakan hak kebebasan asasi apabila melihat kepada Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan adalah tidak wajar dihujahkan sebagai peruntukan yang memberi hak kebebasan yang tiada terbatas. Hak untuk menganut dan mengamalkan sesuatu agama hendaklah harus tertakluk kepada prinsip-prinsip dan amalan yang ditentukan oleh agama itu. Selain itu, pandangan Helwa Mohammad Zainal, 2013 berpandangan Malaysia dalam perlembagaannya tidak menafikan hak kebebasan beragama, namun ia bukanlah bersifat mutlak. Hal ini sementara kerana, Islam menitikberatkan kerelaan dalam menganuti agama hanif ini,

sebarang paksaan dan kekerasan merupakan bentuk kezaliman. Pun begitu, setelah seseorang individu melafazkan syahadah sebagai tanda komitmen mereka mengamalkan ajaran ini, pada saat itulah dirinya tidak dibenarkan sewenang dan sebebasnya untuk keluar agama. Lantaran itu, tidak timbul isu murtad atau kebebasan beragama bagi orang Islam, kecuali bagi penganut-penganut agama lain.

Pihak yang berhujah bahawa murtad dibenarkan oleh perlembagaan sebenarnya telah terkeliru atau terdapat cubaan untuk memutar belitkan Perkara 11 dalam konteks kebebasan beragama. Oleh itu, membendung masalah murtad di kalangan orang Islam adalah diharuskan dan ia tidak menunjukkan pertentangan dengan peruntukan kebebasan beragama yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya tafsiran Perkara 11(4) ialah orang Islam tidak bebas beragama. Selain itu, kebebasan yang diperakukan tidak mutlak kerana ia bertentangan dengan prinsip asas agama dan *worldview* Islam. Dalam konteks ini, Islam melarang penganutnya meninggalkan agama atau murtad kerana bercanggah dengan Akidah dan Syariah. Apatah lagi, pemeliharaan agama adalah aspek penting bagi kemaslahatan manusia berdasarkan kepada *darūriyyah al-khamsah* yang menunjangi maqāsid al shariah (Helwa Mohammad Zainal, 2013).

Seterusnya, perlu ditekankan juga bahawa pemahaman tentang hak kebebasan beragama yang terkandung di dalam deklarasi tersebut berbeza dengan hak kebebasan beragama menurut perspektif Islam kerana pembinaannya didasari oleh konsep negara sekular. Ia mempromosikan maksud kebebasan yang mutlak sedangkan hak kebebasan beragama menurut Islam adalah kebebasan yang tidak mutlak dan terma kebebasan tersebut juga berbeza antara Muslim dengan bukan Muslim. Kebebasan agama yang dijamin oleh Islam terletak pada konsep 'tiada paksaan' dan penganut agama lain adalah bebas untuk menjalankan kegiatan keagamaan mereka. Ini seperti yang terkandung di dalam perkara 25, Piagam Madinah iaitu penganut agama lain tidak dipaksa untuk memeluk agama Islam dan pada masa yang sama mereka juga tidak dihalang untuk menjalankan amalan keagamaan mereka. Mereka juga berhak untuk menjalankan upacara agama masing-masing dalam kehidupan seharian, walaupun di tempat yang dikelilingi oleh orang Islam selagi mana mereka tidak memberi ancaman atau hasutan kepada orang-orang Islam. Justeru, menurut pandangan (Mohd Sabree Nasri, 2016), walaupun hak kebebasan beragama oleh UDHR 1948 mendapat sokongan daripada seluruh dunia tetapi Malaysia telah mengambil sikap berkecuali ke atas hak tersebut. Ini kerana Islam adalah satu negara yang mempunyai keutuhan undang-undang yang tersendiri. Walaupun ada segelintir ummah yang tergelincir dalam memilih jalan hidup untuk menukar agama kerana tidak tahan akan konsistensi dalam agama Islam, namun perlu diperjelas berikutan data yang diambil hasil temubual pakar mendapati tiada individu yang direkodkan beragama Islam yang hendak keluar dari agama Islam.

Situasi keluar Islam yang wujud adalah berhubung dengan pihak yang asalnya bukan beragama Islam, namun menganut agama Islam untuk berkahwin, mengikut rakan untuk keluar agama, dipaksa keluar agama dan diugut, dan juga ada yang tidak berkehendak namun telah dipengaruhi oleh pihak jabatan agama Islam untuk

mengucapkan dua kalimah syahadah namun mereka telah memilih untuk kembali kepada agama asal mereka. Kes-kes sebegini yang dibenarkan untuk keluar Islam pada kebiasaannya adalah kes-kes terpencil sahaja.

Sungguhpun dapat disimpulkan bahawa kebanyakan pendapat menyatakan bahawa negara Malaysia masih memilih untuk meletakkan Keluar Islam sebagai suatu kesalahan dan bukannya hak kebebasan asasi, namun menurut pandangan daripada Dr. Pg Ismail bin Pg Musa, beliau menyatakan bahawa secara peribadinya isu keluar Islam ini adalah tidak selesai lagi kerana masih belum ada jawapan yang jelas daripada pihak yang berautoriti. Tambahan lagi, apabila belum ada peruntukan yang dikhaskan untuk menjadi rujukan dalam badan perlaksana, sekian itulah ia akan menjadi perbalahan dan akan sentiasa dicabar oleh seteru.

## 6.0 Kesimpulan

Murtad ialah seseorang Islam secara pilihan dengan Islamnya telah memutuskan untuk keluar sama ada dengan ucapan, perbuatan atau iktikad atau meragui apa yang telah dimaklumi dalam agama secara darurat. Menurut istilah undang-undang Islam pula, murtad ialah beralih daripada memeluk Islam kepada memeluk agama lain atau anutan lain (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2015 ).

Seterusnya, memandang kepada penghakiman bagi kesalahan murtad atau keluar Islam ini, rata-rata pandangan daripada fuqaha telah meletakkan secara jelas bahawa hukuman yang setimpal bagi pesalah murtad ini ialah hukuman mati. Ini adalah didasarkan kepada dalil yang mahsyur digunakan yang bermaksud "*Barangsiapa yang menukar agamanya maka bunuhlah ia*". Namun begitu, mutakhir ini sesuai dengan peredaran zaman, hukuman bagi pesalah keluar Islam adalah bukan lagi di bawah naungan Hudud sebagaimana yang telah digunapakai pada era Rasulullah dan sahabat. Sebaliknya hukuman yang ditetapkan pada era modernisasi kini adalah terletak di bawah hukuman Takzir yang mana sekaligus ia adalah terbatas pada maksimum hukuman syariah sebagaimana yang telah ditetapkan iaitu 3 tahun penjara, RM5000 denda beserta 6 sebatan jika disabitkan dengan kesalahan.

Justeru itu, perkara ini juga telah dibangkitkan dalam perkara seterusnya yang dibawa iaitu lakuna atau isu dalam perundangan yang berkaitan dengan kesalahan keluar Islam. Pertama, berkaitan dengan penggunaan istilah yang digunapakai dalam peruntukan yang sedia ada berkenaan dengan keluar Islam. Umum mengetahui bahwa pada dasarnya murtad memang membawa erti kepada keluar Islam. Namun istilah Murtad tidak digunakan dalam mana-mana peruntukan yang sedia ada, bahkan sebaliknya hanya istilah keluar Islam yang banyak mempelopori dalam kebanyakan peruntukan yang ada dan berkaitan. Namun begitu, jawapan kepada isu yang pertama ini adalah terjawab kerana berkemungkinan penggunaan keluar Islam lebih digunakan berbanding istilah murtad kerana hukuman murtad merupakan hukuman yang 'solid' atau hukuman mati dan jika ianya disabitkan, ia adalah suatu perkara yang melangkaui

dan keluar daripada bidangkuasa mahkamah syariah memandangkan hukuman maksimum yang disediakan kepada pihak mahkamah syariah adalah terhad di badan perundangan negara.

Seterusnya bagi isu yang kedua adalah ketidakseragaman hukuman antara negeri-negeri yang ada. Dalam isu ini, perlu untuk dilihat bahawa hanya 5 negeri (Terengganu, Kelantan, Sabah, Perak dan Melaka) sahaja yang meletakkan keluar Islam merupakan satu kesalahan syariah dan hanya 5 negeri ini juga yang meletakkan hukuman bagi kesalahan tersebut. Sungguhpun begitu, dalam kelima-lima buah negeri ini, masih lagi tidak seragam antara lima negeri ini dan hukuman yang dinyatakan juga, boleh dikatakan adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Misalnya ialah hukuman denda RM5000/ RM3000 dan penjara tak melebihi 3 tahun/2 tahun (Terengganu dan Perak ) dan juga menghantar pesalah ke Pusat Bimbingan Islam selama hanya 36 bulan untuk bertaubat dan mengikut didikan agama di pusat berkenaan dan diminta bertaubat mengikut hukum syarak (Sabah, Melaka, dan Kelantan). Namun begitu, jawapan bagi isu ini adalah perlu dilihat semula kepada Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menggariskan bidang kuasa yang berkaitan dengan hal ehwal agama adalah tertakluk kepada negeri masing-masing. Istilah *masing-masing* inilah yang membawa kepada pentadbiran sendiri mengikut keupayaan negeri.

Selain itu, isu ketiga melibatkan ketiadaan peruntukan kesalahan keluar Islam di dalam akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri di Malaysia. Isu ini telah lama diusulkan oleh badan-badan pelaksana khususnya bagi mewujudkan satu peruntukan khas dan jelas bagi melicinkan pentadbiran dalam untuk menguruskan kes dan hal ehwal yang berkaitan dengan keluar Islam. Namun begitu, sehingga kini ia masih menjadi tanda tanya oleh semua pihak.

Seterusnya, analisis kes yang telah dibawa membuktikan bahawa terdapat tiga kategori pihak yang mengambil keputusan untuk keluar dari agama Islam. Pertama ialah golongan yang masuk agama Islam disebabkan oleh tuntutan berkahwin, jodoh bercinta dan sebagainya namun apabila berpisah dengan pasangan, mereka ingin kembali kepada agama asal. Kedua ialah golongan yang menganut agama Islam selepas 18 tahun dengan rela hati kemudian memilih untuk kembali ke agama asal kerana tidak bertahan dengan situasi masa itu atau tidak ada sokongan daripada masyarakat sekeliling dan keluarga seterusnya mengambil pilihan untuk kembali ke agama asal. Dan ketiga ialah golongan yang masuk agama Islam secara tidak langsung, misalnya ialah kerana dipaksa oleh rakan, terpengaruh dengan kakitangan majlis agama, sekadar untuk mencuba, kekeliruan identiti agama dan sebagainya, namun diakhirnya apabila dirasakan bahawa mereka sendiri telah bertindak menindas agama Islam pada akhirnya memilih untuk pengisytiharan status yang rasmi agar tidak berlaku kekeliruan.

Justeru itu, apa yang boleh diperkatakan dalam kes-kes yang dibawa ialah kebanyakan kes mahkamah adalah menggunakan sedaya upaya untuk mempertahankan pihak pemohon dengan agama Islam dengan cara menghantar

mereka ke Pusat Bimbingan dan digalakkan untuk bertaubat terlebih dahulu, menimbulkan isu bidang kuasa dan sebagainya.

Memandang serius akan isu ini, ada segelintir pihak telah membawa tuntutan kebebasan yang diperakui dalam Perkara 18 UDHR 1948 dan juga Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Namun mereka lupa bahawa memegang mandat sebagai seorang *Muslim* yang hak-hak berkenaan tidak boleh digunakan dengan sewenangnyanya memandangkan syarak telah meletakkan segala batas dalam agama Islam dan ianya perlu untuk dipatuhi. Selaras dengan itu juga, maqasid syariah juga sudah terang-terangan menyebut mengenai kewajipan untuk menjaga agama maka adalah dilarang untuk keluar daripada agama Islam. Maka, hak kebebasan asasi yang diperjuangkan oleh sesetengah masyarakat sewajarnya tidak timbul jika mereka sedar bahawa mereka adalah golongan yang berilmu agama yang cukup dan faham akan kehendak syarak.

Dari aspek perundangan pula, persoalan sama ada keluar Islam merupakan satu jenayah syariah atau hak kebebasan asasi, ia adalah tertakluk kepada diri masing-masing untuk menjawab persoalan tersebut dan berdasarkan perspektif masing-masing juga untuk letakkan dimana kedudukan Islam pada hari ini. Sebagai rumusan, adalah perlu untuk setiap lapisan masyarakat tidak kira ras atau agama untuk melihat semula intipati perjuangan atau hak yang dituntut agar tidak melangkui kepada limitasi yang telah ditetapkan terutamanya untuk isu yang membawa kepada sensitiviti umum. Kesimpulannya, kesalahan keluar Islam ini adalah berada di tengah-tengah untuk dilabelkan sebagai hak kebebasan asasi ataupun sebagai satu kesalahan jenayah syariah. Namun, memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara Islam yang meletakkan agama Islam sebagai tunjang utama, perlu untuk dikatakan tidak wajar bagi meletakkan agama sebagai pertaruhan yang kononnya dimomokkan sebagai satu diskriminasi sejagat sehingga mampu untuk membawa kepada kegoyahan agama Islam itu sendiri. Antara perkara yang boleh diteliti dalam penulisan ini ialah kebanyakan individu yang memilih untuk keluar daripada agama Islam adalah golongan muallaf yang mana melibatkan permohonan pengisytiharan status agama untuk kembali kepada agama asal masing-masing. Permohonan bagi golongan muallaf ini adalah berlaku kerana beberapa faktor namun dominannya adalah kerana untuk berumah tangga kemudian apabila berpisah, itulah yang menjadi asbab bagi mereka untuk meninggalkan agama Islam.

Selain itu, perhatian turut diberi kepada golongan berfikiran liberal dan sekular, ia dilihat sebagai satu kesempatan yang boleh diambil bagi memperjuangkan perkara yang diperkatakan sebagai hak sedangkan ia merupakan salah satu daripada senarai Maqasid Syariah yang sepatutnya mereka pertahankan dan bukanlah sebaliknya yang berlaku. Justeru itu, dicadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi mempertahankan insan yang beragama Islam terutamanya golongan muallaf kerana golongan inilah yang paling banyak melakukan permohonan pengisytiharan keluar agama. Kerjasama dan gandingan bahu daripada semua pihak juga adalah diperlukan bagi mengukuhkan pentadbiran hal ehwal agama Islam ini supaya Islam dapat

melahirkan umat yang berkualiti dan berkuantiti pada masa yang sama di persada dunia.

## Rujukan

- al-Shafi'i, M. I. (2001). *Al-Umm* (Semakan: Rif'at Fawzi Abd Al-Mutallib). Jilid 7. Al-Maqdisi: Dar 'Alam Al-Kutub.
- Arief Salleh Rosman. (2001). *Murtad Menurut Perundangan Islam*. Skudai : Universiti Teknologi Mara.
- Faisal Ahmad Shah. (2015). Kebebasan Beragama: Analisis Tahap Kefahaman Masyarakat Islam Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam, Kuis Bil 8: Isu 1*, 76-99.
- Haji Said, H. I. (1998). *Jinayah Murtad Dari Sudut Hukum Syara' Dan Perundangan Islam*. Kuala Lumpur : Darul Ma'rifah.
- Helwa Mohammad Zainal, J. J. (2013). Kedudukan Murtad Dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang Di Malaysia: Satu Analisa Isu Dan Cabaran. *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat* 17, 13-36.
- Kamal Azmi Abd Rahman, N. M. (2018). Kefahaman Mahasiswa Muslim Lembah Klang Tentang Konsep Hak Kebebasan Beragama Di Malaysia . *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues* Vol. 3, No. 1, June, 1-23.
- Malaysia, K. M.-U. (17 Januari 2007). Zulkifli Hasan, Norfadilah Mohd Ali. *Diskusi Syariah Dan Undang-Undang* (Pp. 1-17). Negeri Sembilan: Universiti Syariah Islam Malaysia.
- Maiwp, P. (N.D.). Laporan Zakat 2010. Retrieved From <https://drive.google.com/file/d/0b-Tueyjlvedrr3zqcnvhcja/view?resourcekey=0-Xpf5ece9mzezah4jcwaw6w>
- Maiwp, P. (N.D.). Laporan Zakat 2021 . Retrieved From [https://drive.google.com/file/d/18nmra\\_8u75osbfj5q4cje53ncatjx7wj/view](https://drive.google.com/file/d/18nmra_8u75osbfj5q4cje53ncatjx7wj/view)
- Mohammad Izzhar Faizy Osman. (2019, Januari 31). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan . Retrieved From [Hukum Muslim Bergurau Mengucapkan "Aku Bukan Islam": https://muftiwp.gov.my/artikel/ai-afkar/3066-ai-afkar-41-hukum-muslim-bergurau-mengucapkan-aku-bukan-islam](https://muftiwp.gov.my/artikel/ai-afkar/3066-ai-afkar-41-hukum-muslim-bergurau-mengucapkan-aku-bukan-islam)
- Mohd Sabree Nasri, & M. (2016). Murtad: Antara Hak Kebebasan Beragama Dan Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 1-17.
- Mohd Sopiee Shiddeq. (2015). *Jenayah Murtad Di Malaysia: Permasalahan Dari Perspektif Undang-*
- Musa Awang. (2012, November 2012). *Tangani Isu Murtad*. Retrieved From Blogspot : <http://Musaawang.blogspot.com/2012/11/Tangani-Isu-Murtad.html>
- Nor Ashikin, M. N. (2016). *Keluar Agama Islam Di Malaysia: Permasalahan Dari Sudut Undang- Undang* . *Journal Of Shariah Law Research (Jsrl)*Vol. 1 (1) , 141-154.

- Nor Ashikin Md. Nasir, S. Z. (2017). 26 Kanun (1) amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama Dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. 26 Kanun (1), 1-37.
- Pg Ismail Pg Musa, S. Z. (2015). Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sabah . Jurnal Syariah, Jil. 23, Bil. 1 , 53-78 .
- Rahman, S. (2015). Apa Kata Islam Tentang Murtad . Petaling Jaya : The Other Press Sdn.Bhd.
- Rina Fakhizan Mohd Sukri, Z. M. ((2020)). Implikasi Pindaan Akta 164 Terhadap Perkahwinan Dan Harta Pusaka Mualaf. Journal Of Contemporary Islamic Law, Vol. 5(1): , 9-15.
- Shahriman Bin Mahmud. (1999). Perbincangan Isu Murtad Di Malaysia. Gombak : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia .
- Sayyid Sabbiq. (2004). Fiqh Sunnah: Pengantar Imam Hasan Al-Banna. Jakarta: Darul Fath.
- Siti Zaleha Ibrahim, N. S. (2016). Pertukaran Agama Dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-Kes Murtad Dan Masuk Islam Di Malaysia. Journal Of Social Sciences And Humanities Vol. 11, 204-213
- Siti Zubaidah Ismail. (2017). Undang-Undang Kesalahan Jenayah Syariah Di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Suariza @ Hidayah Muhammad, N. R. (2018). Faktor Permohonan Isytihar Murtad Dalam Kalangan Mualaf Di Selangor. Jurnal Usuluddin 46 (2) , 123-146.
- Unknown. (2017). Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017. From 234 Orang Keluar Islam (Murtad):  
<http://Dewan.Selangor.Gov.My/Question/Orang-Keluar-Islam-Murtad/>
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, R. G. (2013). Model Istitabah: Cadangan Konsep Dan Perlaksanaannya Dalam Intervensi Permasalahan Riddah Di Malaysia . Jurnal Al-Abqari, Vol 3, 58-71
- Wahyuni, D. S. (2016). Nikah Beda Agama . Tangerang Selatan, Indonesia : Pt Pustaka Alfabet.
- Zanariah Dimon, N. I. (2019). Penggunaan Modul Pemurnian Akidah Dalam Mengendalikan Kes-Kes Permohonan Keluar Islam Di Pulau Pinang. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (Mfifc ) (Pp. 44-56). Selangor : Kolej Universiti Islam Selangor.
- Zanariah Dimon, N. M. (2021). Keberkesanan Modul Pemurnian Akidah 2012 Dalam Menangani Gejala Murtad 2012 Bagi Kes-Kes Permohonan Keluar Islam Di Pulau Pinang. Jurnal Muwafaqat (Kuis) Vol. 4, No. 1, 41-60.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2015, Februari 27). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan . From Irsyad Al-Fatwa Ke-25: Pengertian Murtad:  
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/2064-25>

#### KES

Rosliza Ibrahim V. Kerajaan Negeri Selangor & Anor, [2021] 3 Clj (Federal Court, Putrajaya Febuari 5, 2021).

Indira Gandhi Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors [2013] 7 CLJ.

Muhd Sanjeet Muker v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan No Saman: 14700-043-0560-2016

Dalam Perkara Permohonan Keluar Islam Muhamad Ramzan Manairason JH XXII/II (2005)

Pengisytiharan Status Agama Si Mati Mohammad Abdullah@ Moorthy a/l Maniam. Permohonan Ex-Parte Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur JH XXI/II (2005)

Pengisytiharan Status Agama Simati Nyonya binti Tahir JH XXI/II (2006)

Dalam Perkara Permohonan Pengisytiharan Pembubaran Perkahwinan Disebabkan Pertukaran Agama- Permohonan Siti Aisyah Janthip Aisam JH XXI/II (2006)

Pemohonan Pengisytiharan Status Agama Islam Janisah binti Abd Rahim @ Bigul JH XXII/I (2004)

#### STATUT

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995

Enakmen Jenayah (Syariah) 1992

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006

Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 Enakmen

Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001